

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
[PETALING JAYA SELATAN]**

TARIKH : 25 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8287

SOALAN:

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan hasil siasatan terhadap individu yang terlibat dalam Himpunan Merah atau Himpunan Melayu Bersatu yang jelas membangkitkan isu perkauman seperti mendesak penutupan SJK(C) dan menghalau kaum cina dengan kata-kata cina balik tongsan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam perkara 10(1)(b), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata. Namun hak ini tertakluk kepada apa-apa sekatan yang Parlimen dapati perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam melalui undang-undang yang dibuat oleh Parlimen. Dengan wujudnya Akta Perhimpunan Aman 2012, terdapat beberapa syarat atau sekatan dikenakan bagi mengelakkan berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diingini dan paling penting adalah menjaga keamanan dan ketenteraman awam.

Pihak PDRM tidak menghalang perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu pada 16 September 2015 diadakan memandangkan perhimpunan berkenaan telah memenuhi keperluan Akta Perhimpunan Aman 2012. Bagi Perhimpunan Himpunan Rakyat Bersatu, pihak polis menerima sebanyak 26 laporan polis dan 15 kertas siasatan (*Investigation Paper* - IP) telah dibuka bersabit kesalahan di bawah pelbagai akta sehingga 17 September 2015.

Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sedang menjalankan siasatan dengan teliti dan rapi bagi mengenalpasti dan menggunakan segala peruntukan undang-undang sedia ada bagi mendakwa

pihak-pihak yang melanggar undang-undang semasa perhimpunan berlangsung selaras dengan peruntukan Akta Perhimpunan Aman 2012 dan lain-lain peruntukan undang-undang sedia ada. Pihak PDRM sedang menyiapkan kertas-kertas siasatan berkaitan dan mengemukakan kepada pihak Timbalan Pendakwa Raya (TPR) untuk arahan lanjut

SOALAN (31)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2015
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD
[KUALA KANGSAR]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD [KUALA KANGSAR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan Khazanah Research Institute menjelaskan bahawa harga rumah di Malaysia masih lagi belum mencapai kadar mampu milik. Apakah perancangan kerajaan dari segi pembentukan polisi untuk membolehkan harga rumah turun kepada kadar mampu milik.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa mengambil perhatian serius terhadap permasalahan yang dihadapi rakyat berhubung pemilikan rumah. Antara inisiatif untuk memastikan kadar pemilikan rumah meningkat bagi rakyat berpendapatan rendah dan sederhana adalah dengan meningkatkan bekalan rumah dalam pasaran.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah memberikan pelbagai insentif dalam bentuk subsidi bagi Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), *facilitation grant* menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) oleh Unit Kerjasama Awam – Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM) dan lain-lain.

Kerajaan Persekutuan juga sejak tahun 2013 telah memperkenalkan pelbagai bentuk inisiatif dan insentif termasuk dasar-dasar fiskal yang

strategik bagi menstabilkan semula harga rumah di pasaran dan mengawal spekulasi, antaranya:

- (i) Menaikkan kadar kenaan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);
- (ii) Menaikkan penetapan harga minima hartanah yang dijual kepada warga asing iaitu dari RM500 ribu seunit kepada RM1 juta seunit;
- (iii) Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan secara telus dan terperinci terhadap harga jualan rumah termasuk semua manfaat atau insentif yang bakal dinikmati oleh pembeli;
- (iv) Melarang pemaju melaksanakan DIBS (Developer Interest Bearing Scheme) yang boleh memperdaya pembeli dan pada masa yang sama memberi peluang pemaju mengaut keuntungan berlipat kali ganda;
- (v) Mewajibkan pemaju melaporkan setiap pembelian pukal melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat; dan
- (vi) Mengeluarkan panduan Loan To Value (LTV) bagi pembelian rumah ketiga dan ke atas di mana ianya hanya membenarkan pinjaman sehingga 70% sahaja yang akan diberikan. Selebihnya, perlu ditanggung sendiri oleh pembeli tersebut.

Sejak langkah-langkah bagi mengawal harga rumah dan mengelakkan spekulasi harga rumah dilaksanakan, ianya telah menampakkan kesan positif. Berdasarkan maklumat daripada Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), pada suku ke-2 tahun 2015, telah mencatatkan perubahan indeks harga rumah pada tahap 5.9% dengan purata harga rumah pada RM305,075 berbanding pada suku ke-2 tahun 2014 iaitu pada 8.4% dengan purata harga rumah sebanyak RM302,716. Ini menunjukkan bahawa penurunan sebanyak 2.5% dalam indeks harga rumah di negara ini.